

Masanya sudah tiba – Najib

Utusan Online

08 April, 2013

Oleh ZULKIFLI JALIL, HELMI MOHD. FOAD dan HAKIMI ISMAIL

SHAH ALAM 7 April - Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak 2.1 juta pengundi di Selangor termasuk 45 peratus daripadanya orang muda melakukan perubahan dengan menukar kerajaan negeri sedia ada kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum terdekat ini.

Menjadikan Selangor negeri pertama dijelajahnya selepas melancarkan manifesto Barisan Nasional (BN) semalam, Perdana Menteri mengingatkan selepas banyak janji gagal ditunaikan kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR), masa untuk peralihan kepemimpinan negeri itu sudah tiba.

"Pilihan raya kali ini untuk semua, lebih-lebih lagi orang muda sebab orang muda penentu kejayaan.

"Parti ini (pakatan pembangkang) gagal tepati janji, tadbir Selangor serta selesaikan masalah rakyat.

"Masanya telah tiba untuk melakukan perubahan dan tukar kerajaan negeri ini. Tukar...tukar...tukar. Gelombang Biru...gelombang biru...gelombang biru," tegas beliau sambil disambut yang sama daripada lebih 5,000 orang yang menghadiri Himpunan Patriotik Anak Muda Selangor di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalan Pengerusi BN Selangor, Datuk Seri Noh Omar; Koordinator BN Selangor yang juga Timbalan Pengarah Pilihan Raya BN Selangor, Datuk Seri Mohd. Zin Mohamed, Pengerusi Kelab Putera 1Malaysia, Datuk Abdul Azeez Rahim dan Ketua Pemuda UMNO Selangor, Ungku Salleh Ungku Jamal serta para pemimpin parti komponen BN Selangor.

Najib berkata, golongan muda memberikan mesej jelas bahawa mereka sudah bersiap sedia untuk bertindak menukar kerajaan negeri Selangor dengan memberikan sokongan padu kepada BN.

"Ibu tunggal merana sehingga mereka saman kerajaan negeri, begitu juga warga emas dan golongan muda, kita tidak boleh kekalkan kepimpinan yang tidak menepati janji.

"Manifesto pembangkang adalah fantasi dan khayalan sebab Menteri Besar kata manifesto bukan satu perjanjian," katanya.

Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa manifesto BN adalah aku janji kerajaan BN antaranya mahu mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan, satu juta rumah mampu milik dan menambah jumlah pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) untuk orang muda.

"Kita akan memberikan tumpuan kepada orang muda," katanya.

Perdana Menteri memberi jaminan akan memastikan pentadbiran negeri yang lebih baik sekiranya BN kembali memerintah Selangor.

"Kita akan menyelesaikan masalah air, kerana kita sudah melabur banyak dan terowong air sudah hampir siap. Bagi kerajaan negeri cukuplah jangan hendak kuasai syarikat (konsesi air), selesaikan masalah rakyat, sampah sarap tidak dibersihkan, judi haram bertambah dan banjir kilat."

"Sudah cukup tipu helah dan pembohongan mereka, BN akan melakukan perubahan besar kepada Selangor," katanya.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri turut menyerahkan pemberian 22,000 topi keledar berwarna biru untuk diedarkan kepada 22 kawasan Parlimen di negeri ini.

"Ini bukan sebarang topi keledar, KP1M misinya sudah berubah daripada misi kemanusiaan, sekarang misi mesti menang, kita warnakan semuanya warna biru.

"Selangor akan kita birukan, pemuda-pemuda akan menjadi panglima di barisan hadapan, tidak akan takut dan kita akan menyerang untuk pastikan BN menang pada kali ini," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130408/dn_01/Masanya-sudah-tiba---Najib